

22 AUG 2002

Mahathir-Pas

PAS GUNA TEKNIK AL-ARQAM, KATA DR MAHATHIR

NILAI, 22 Ogos (Bernama) -- Cara yang digunakan oleh Pas untuk mendapat pengaruh menyamai teknik pergerakan Al-Arqam iaitu dengan memupuk rasa taksub kepada pergerakan di kalangan pengikutnya dengan apa cara sekalipun, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ajarannya berbeza dari Arqam tapi tekniknya sama iaitu supaya orang dia begitu taksub kepada dia (Pas) hingga kalau dia buat yang salah sekalipun dia (pengikut) terima," katanya.

Perdana Menteri berkata itulah sebabnya anggota Pas menerima perbuatan seorang ahlinya yang menyelak kain semasa pilihan raya kecil Pendang dan Anak Bukit di Kedah baru-baru ini.

"Kalau orang Islam tengok seseorang berkelakuan begitu, dia akan tolak. Tapi orang Pas terima orang selak kain, walaupun pada masa yang sama dia suruh orang bertudung," katanya pada sidang media selepas merasmikan upacara pecah tanah Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata keadaan itu tidak boleh dibiarkan kerana apabila sampai kepada satu peringkat taksub, adalah sukar untuk membawa orang yang begini kembali kepada ajaran Islam sebenar.

"Jika mereka mahu sokong Pas, itu tidak mengapa. Tetapi mereka mesti menolak perkara-perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam," katanya semasa ditanya mengenai peranan yang harus dimainkan oleh masyarakat untuk menolak ajaran sesat.

Dr Mahathir berkata bahawa pada masa ini umat Islam di sini seolah-olah terdedah kepada satu bentuk kempen untuk mengelirukan mereka supaya menukar persepsi mereka mengenai Islam dan tuhan.

"Selama ini kita sembah tuhan yang Maha Pengasih, Penyayang lagi Maha Pengampun, tetapi sekarang kita diberitahu bahawa tuhan yang kita sembah ini maha samseng dan penipu. Ini menghina tuhan.

"Kalau saya kata you penipu, adakah ini bermakna saya muliakan you. Tapi ajaran ini sudah berkembang.

"Bermakna ramai orang Islam keliru apa agama Islam yang sebenar, disebabkan kepentingan politik," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau amat berharap ajaran Islam yang sebenar dapat dibawa kepada penuntut KUIM, dan pensyarah politik tidak dibawa masuk ke universiti itu untuk merosak akidah pelajarannya.

Terdahulu dalam ucapannya pada majlis itu, Perdana Menteri berkata KUIM merupakan satu lagi usaha kerajaan untuk menyediakan pengetahuan mengenai agama Islam kepada penuntut tanpa mengira agama.

Beliau berkata ia merupakan siri lanjutan kepada usaha kerajaan yang telah menubuhkan pelbagai institusi untuk memberi kefahaman mengenai Islam kepada penduduk negara ini, bermula dari peringkat sekolah hingga ke peringkat universiti.

Menurutnya umat Islam kini ditindas kerana kebanyakan mereka tidak mempunyai keupayaan untuk melengkapkan diri dengan kemahiran serta peralatan untuk mempertahankan negara.

"Apabila pembelian senjata bergantung kepada musuh Islam, sudah pasti mereka (musuh Islam) tidak akan bekalkan negara Islam itu dengan senjata yang dapat mengalahkan mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata KUIM ditubuhkan untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang sains, teknologi dan kejuruteraan demi kepentingan umat Islam.

"Janganlah dikhianati usaha murni kita ini dengan membawa anasir-anasir

untuk memesongkan para pelajar. Islam membawa perkara yang benar dan yang baik semata-mata.

"Tidak ada ajaran Islam yang yang menyuruh kita berbuat sesuatu yang tidak baik," katanya.

KUIM merupakan universiti awam ke-12 yang ditubuhkan oleh kerajaan. Ia mempunyai matlamat menjana dan mengintegrasikan pendidikan Islam ke dalam arus perdana pembangunan pendidikan kebangsaan.

-- BERNAMA

AZH MAI